



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

PERLAKSANAAN PROJEK PENDIDIKAN OLEH JABATAN KERJA RAYA

SEPANG, SELANGOR – Projek SMK Kota Warisan ini merupakan projek di bawah *Rolling Plan 1*, Rancangan Malaysia Ke-12 (RP1 RMK-12). Tarikh milik tapak bagi projek ini ialah pada 13 Januari 2023, manakala tarikh siap semasa ditetapkan pada 21 April 2026 dengan nilai kontrak asal sebanyak RM 55.885 juta. Kemajuan semasa projek telah mencapai 99% penyiapan fizikal di tapak.

2. Skop projek ini merangkumi pembinaan 42 bilik darjah serta pelbagai kemudahan lain mengikut piawaian yang telah ditetapkan terdiri daripada bangunan pentadbiran, blok pendidikan khas (PPKI), makmal, bengkel dan kemudahan sokongan yang berkaitan.

3. JKR Selangor juga sedang melaksanakan **80 Projek** di bawah kerja Pendidikan dengan kos bernilai **RM 682.88 Juta** merangkumi **53 projek** di peringkat perancangan meliputi pembinaan sekolah berkepadatan tinggi IBS, Dewan Serbaguna Terbuka Berbumbung, sekolah daif dan bangunan prasekolah serta sebanyak **27 projek** bernilai **RM629.58 Juta** yang kini pada peringkat pembinaan dengan **8 projek adalah Ahead of time (AOT)**.

4. Pada tahun 2025, JKR Selangor telah berjaya menyerahkan **122** bilangan projek di bawah kerja pendidikan di Negeri Selangor dengan kos keseluruhan berjumlah **RM 84.23 Juta**.

5. JKR Malaysia melaksanakan sebanyak **1492 Projek di seluruh Malaysia** dengan peruntukan keseluruhan bernilai **RM 37.98B. Sebanyak 771 Projek dalam peringkat Pra Bina dan 721 Projek di peringkat Pasca Bina.**

6. YB Datuk Seri Dr. Haji Ahmad bin Haji Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya, telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke Projek Pembinaan Sekolah Baharu 42 Bilik Darjah dan Kemudahan Lain Mengikut Piawai di SMK Kota Warisan, Sepang, Selangor bagi meninjau secara dekat kemajuan semasa projek pembinaan tersebut, yang dijadualkan siap sepenuhnya pada April 2026.

7. Kerajaan persekutuan melalui Kementerian Kerja Raya (KKR) akan terus komited dalam memantau prestasi kemajuan projek bagi memastikan projek ini dapat diserahkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengikut garis masa yang ditetapkan demi manfaat anak-anak bangsa.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
16 MAC 2026